

Malaysia, Singapura sambut baik pengukuhan hubungan dua hala
Utusan Online
02 June, 2013

SINGAPURA 1 Jun - Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (gambar) bertemu rakan sejawatan beliau K. Shanmugam yang juga Menteri Undang-Undang Singapura di luar Dialog Shangri-La 2013.

Ini adalah pertemuan mereka yang pertama sejak Hishammuddin dilantik Menteri Pertahanan, demikian menurut kenyataan Kementerian Hal Ehwal Luar di sini.

Kedua-dua menteri menyambut baik pengukuhan hubungan dua hala antara Singapura dan Malaysia selain bertukar pandangan berhubung perkembangan serantau dan antarabangsa. -
BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130602/dn_14/Malaysia-Singapura-sambut-baik-pengukuhan-hubungan-dua-hala